PASARAN

[SPM 2019]

1 Rajah 1 menunjukkan perubahan kuantiti permintaan suatu barang



Antara yang berikut maklumat manakah yang betul menerangkan Rajah 1?

	Pergerakan Titik	keterangan
A	P ⟶ Q	Kerajaan menurunkan kadar pelepasan cukai pendapatan
B	P ⟶ R	Cita rasa pengguna merosot ke atas barang itu
C	S ⟶ Q	Jangkaan harga akan meningkat
D	S ⟶ R	Pendapatan boleh guna pengguna meningkat

2 Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan tiga individu dalam pasaran



Jadual manakah menggambarkan permintaan pasaran bagi rajah di atas?

A

Harga	kuantiti
30	11
20	10
10	40

B

Harga	kuantiti
30	11
20	18
10	40

LIVEWORKSHEETS

C

Harga	kuantiti
30	11
20	10
10	28

D

Harga	kuantiti
30	11
20	18
10	28

3 Rajah 3 berkaitan dengan keseimbangan pasaran



Rajah 3

Pernyataan manakah benar menerangkan rajah di atas?

A Perubahan penawaran S_O ke S_1 menyebabkan peningkatan kuantiti keseimbangan

B Peralihan keluk S_O ke S_1 menyebabkan lebihan penawaran

C Peningkatan dalam teknologi menyebabkan perubahan keluk S_O ke S_1 .

D Keseimbangan baharu dicapai pada tingkat harga yang lebih tinggi

4 Rajah 4 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran bagi suatu produk



Rajah 4

Apakah yang menyebabkan titik keseimbangan E_o beralih ke E_1?

A Peningkatan harga barang itu

B Penggunaan teknologi baharu

C Pertambahan pendapatan pengguna

D Pemberian subsidi yang semakin meluas

LIVEWORKSHEETS

5 Rajah 5 berkaitan dengan keluk permintaan suatu produk



Rajah 5

Pernyataan manakah yang menerangkan keluk di atas?

A Peratus perubahan kuantiti lebih besar berbanding peratus perubahan harga
B Pengeluar menurunkan harga untuk menambahkan jumlah hasil
C Contoh barang adalah barang keperluan
D Keluk permintaan tersebut adalah anjal

6 Jadual 1 menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti ayam diminta.

Harga (RM)	Kuantiti ayam diminta (kg)
6	30
9	20
12	10

Jadual 1

Jika harga meningkat daripada RM6 ke RM12, berapakah nilai keanjalan harga permintaan?

A 0.50
B 0.67
C 1.33
D 1.50

7 Pernyataan yang manakah betul tentang keanjalan harga penawaran?

A Mengukur peratus perubahan harga yang ditawar kesan daripada peratus perubahan kuantiti
B Dalam jangka masa panjang penawaran adalah tidak anjal
C Barang anjal mempunyai pekali lebih besar daripada satu
D Contoh barang anjal ialah kelapa sawit

[SPM 2018]

8 Pernyataan manakah yang betul tentang permintaan berkesan?

A Kehendak yang tidak terbatas
B Minat terhadap sesuatu barang
C Keperluan yang mesti dipenuhi
D Keinginan yang mampu dimiliki

9 Pernyataan manakah yang betul tentang keluk permintaan pasaran?

A Bentuk keluk mencerun ke atas dari kiri kekanan
B Diterbitkan daripada keluk-keluk permintaan individu
C Menunjukkan hubungan langsung antara harga dan kuantiti
D Kecerunan keluk adalah lebih curam berbanding keluk permintaan individu

10 Rajah 2 berkaitan dengan suatu barang keluaran tempatan

LIVEWORKSHEETS

Mengapakah berlaku perubahan keluk S_0S_0 ke S_1S_1?

A Daya pengeluaran meningkat
B Cita rasa pengguna bertambah
C Lambakan barang import berlaku
D Firma bermatlamat memaksimumkan untung

11 Jadual 1 menunjukkan kuantiti penawaran dan kuantiti permintaan bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti penawaran (unit)	Kuantiti permintaan (unit)
15	150	330
20	165	300
25	180	270
30	250	250
35	320	140

Jadual 1

Pilih pernyataan yang betul tentang jadual di atas.

A Harga keseimbangan pasaran adalah pada RM25
B Harga cenderung turun pada tingkat harga RM35
C Lebihan penawaran sebanyak 180 unit berlaku pada tingkat harga RM15
D Kuantiti permintaan melebihi kuantiti penawaran sebanyak 125 unit pada tingkat harga RM20

12 Rajah 3 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran kereta tempatan

Rajah 3

Tindakan kerajaan manakah yang menyebabkan perubahan tersebut?

A Melonggarkan syarat sewa beli
B Menaikkan kadar faedah pinjaman
C Melaksanakan kempen perkongsian kereta
D Mengurangkan pelepasan cukai pendapatan

13 Jadual 2 menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran

Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)
6	30
12	10

Jadual 2

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM6 ke RM12?

A 0.67
B 0.75
C 1.33
D 1.50

14 Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti bagi penawaran Barang X dan Barang Y.

Barang	Peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti
X	40%	25%
Y	30%	50%

LIVEWORKSHEETS

Maklumat manakah yang betul tentang Barang X dan Barang Y?

	Barang X	Barang Y
A	Merupakan barang mewah	Merupakan barang mesti
B	Keluk penawaran lebih curam	Keluk penawaran lebih landai
C	Pekali keanjalan lebih besar dari 1	Pekali keanjalan lebih kecil dari 1
D	Peratus perubahan kuantiti sama dengan peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti lebih besar dengan peratus perubahan harga

15 Penawaran biskut bertambah daripada 160 unit kepada 260 unit apabila harga biskut meningkat daripada RM1.50 kepada RM2.00.
Berapakah nilai keanjalan harga penawaran untuk biskut tersebut?

A 0.53
B 0.87
C 1.54
D 1.88

SOALAN-SOALAN NEGERI SELANGOR

16 Penawaran biskut bertambah daripada 160 unit kepada 260 unit apabila harga biskut meningkat daripada RM1.50 kepada RM2.00.
Berapakah nilai keanjalan harga penawaran untuk biskut tersebut?

A 0.53
B 0.87
C 1.54
D 1.88

17 Jadual 1 menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi kerongsang tudung

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
20	300
15	450

Jadual 1

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan tersebut?

A Kempen "Jom Bertudung" oleh JAIS
B Harga mampu milik yg ditawarkan oleh peniaga
C Kerajaan menaikkan pemberian bantuan sara hidup
D Trend bertudung masa kini menjadi pilihan ramai

18 Nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi barang X ialah 0.6
Pernyataan manakah yang benar tentang pekali keanjalan harga barang tersebut?

A Peningkatan harga 1% akan menyebabkan penurunan kuantiti sebanyak 0.6%
B Punyai sedikit barang pengganti yang hampir
C Peniaga perlu menurunkan harga untuk meningkatkan hasil jualan
D Pakaian kanak-kanak adalah contoh bagi barang X

19 Pernyataan manakah yang menyebabkan penawaran ke atas kereta meningkat?

A Harga bahan mentah meningkat
B Jangkaan harga akan naik pada masa depan
C Teknologi robotik digunakan dalam pengeluaran
D Duti eksais ke atas pengeluar tempatan dinaikkan

LIVEWORKSHEETS

20 Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran suatu barang oleh Syarikat X (SX) dan Syarikat Y (SY)

Jadual manakah yang menunjukkan penawaran pasaran bagi barang tersebut?

A

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
20	100
30	180
40	220

B

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
20	200
30	260
40	520

C

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
20	100
30	220
40	300

D

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
20	200
30	400
40	520

LIVEWORKSHEETS